

**DI DALAM MAHKAMAH RAYUAN SYARIAH TERENGGANU
DI KUALA TERENGGANU
DI NEGERI TERENGGANU**

Dalam Perkara Tuntutan Harta Sepencarian

RAYUAN MAL NO.: 11000-017-XXXX-2017

ANTARA

XY

PERAYU

KP : 610608-11-XXXX

DENGAN

AAA

RESPONDEN

KP : 470622-11-XXXX

**DI DALAM MAHKAMAH TINGGI SYARIAH TERENGGANU
DI KUALA TERENGGANU
DI NEGERI TERENGGANU**

SAMAN NO : 11200-017-XXXX-2013

ANTARA

AAA

PLAINTIF

KP : 470622-11-XXXX

DENGAN

1. ZULKEPLY BIN XXX
KP : 620323-03-XXXX

DEFENDAN 1

2. ZUNAIDAH BINTI XXX
KP : 671001-11-XXXX

DEFENDAN 2

3. XY
KP : 610608-11-XXXX

DEFENDAN 3

DI HADAPAN PANEL RAYUAN:

Y.A.A Tuan Haji Wan Mohd Zakri bin Wan Mohd	Pengerusi
Y.A.A Dato' Aria D' Raja Dato' Haji Daud bin Muhamad	Ahli
Y.A.A Dato' Sri Haji Abdul Rahman bin Md. Yunos	Ahli

PADA HARI RABU , 05 JAMADILAKHIR 1439H **BERSAMAAN 21 FEBRUARI 2018**

Peguam Syarie Perayu: Puan Wan Sabariah binti Wan Ismail dari Tetuan Rita Maisurah & Associates.

Peguam Syarie Responden: Tuan Hj Mukhtar bin Abdullah dari Tetuan Zamani Mohammad & Co.

ALASAN PENGHAKIMAN

1.0 FAKTA KES

- 1.1 Perayu, XY, KP : 610608-11-XXXX adalah balu kepada Allahyarham XXXX Bin Omar yang telah meninggal dunia pada 27 Januari 2010 (*selepas ini disebut sebagai "Si Mati"*).
- 1.2 Perayu telah berkahwin dengan Si Mati pada 11 Ogos 1977 dan dikurniakan seramai lapan (8) orang cahaya mata.
- 1.3 Responden, AAA, KP : 470622-11-XXXX adalah bekas isteri kepada Si Mati. Responden telah berkahwin dengan Si Mati pada 30 Jun 1961. Kemudian telah bercerai pada 26 ogos 1974 dengan perceraian talak 1 kali pertama.
- 1.4 Hasil perkahwinan di antara Responden dan Si Mati dikurniakan seramai dua (2) orang cahaya mata.

1.5 Pada 20 November 2013, Responden bertindak sebagai Plaintiff telah memfailkan Tuntutan Harta Sepencarian di Mahkamah Tinggi Syariah Terengganu melalui No. Kes Mal: 11200-017-XXXX-2013.

2.0 HARTANAH YANG DIPERTIKAI

2.1 Responden/Plaintif menuntut bahawa sebidang tanah yang memakai keterangan GM XXX Lot XXX, Mukim XXX, Besut Terengganu (1/1 bahagian) (*selepas ini disebut sebagai "Tanah Tersebut"*) yang didaftarkan atas nama Si Mati, XXXX Bin Omar adalah harta sepencarian dan terhad kepada Responden/Plaintif sebanyak $\frac{1}{2}$ bahagian atau nilai ke atas 'Tanah Tersebut'.

2.2 Responden/Plaintif juga menuntut lain-lain perintah yang difikirkan perlu dan munasabah oleh Mahkamah.

2.3 Perayu/Defendan 3, XY telah memfailkan Pernyataan Pembelaan dan Tuntutan Balas pada 22 April 2014.

2.4 Di dalam Pernyataan Tuntutan Perayu/Defendan 3 menyatakan bahawa Tanah Tersebut tidak diusahakan dan terbiar kosong dan semak belukar. Selain itu, menyatakan bahawa Tanah Tersebut telah diusahakan Si Mati dan Perayu/Defendan 3 dengan menanam pokok getah pada tahun 1978 dengan bantuan RISDA dan bukannya diusaha dalam tempoh perkahwinan Responden/Plaintif.

2.5 Manakala dalam tuntutan balas, Perayu/Defendan 3 mohon Mahkamah isytiharkan Tanah Tersebut sebagai harta sepencarian antara Si Mati dan Perayu/Defendan 3 dan Perayu/Defendan 3 memperoleh 1/2 bahagian daripada Tanah Tersebut.

3.0 KEPUTUSAN MAHKAMAH TINGGI SYARIAH TERENGGANU

Pada 04 Oktober 2015, Yang Arif Hakim telah membuat keputusan sebagaimana berikut:

3.1 **SAYA LULUSKAN** Tuntutan Harta Sepencarian Plaintiff, AAA (KP : 470622-11-XXXX)

3.2 **SAYA SABITKAN** Tanah yang memakai keterangan GM XXX Lot XXX, Mukim XXX, Besut, Terengganu ('Tanah Tersebut') adalah Harta Sepencarian antara Plaintiff, AAA (KP : 470622-11-XXXX) dengan Si mati, Allahyarham XXXX Bin Omar (KP : 421006-03-XXXX/ 374XXXX)

3.3 **SAYA PERINTAHKAN** Plaintiff, AAA (KP : 470622-11-XXXX) berhak ke atas Tanah Tersebut sebanyak 1/3 bahagian / nilai manakala Si mati, Allahyarham XXXX Bin Omar (KP : 421006-03-XXXX/ 374XXXX) berhak kepada 2/3 bahagian / nilai daripada Tanah Tersebut.

3.4 **SAYA PERINTAHKAN** bahagian Si mati, Allahyarham XXXX Bin Omar (KP : 421006-03-XXXX/ 374XXXX) sebanyak 2/3 bahagian / nilai daripada Tanah Tersebut hendaklah dibahagikan secara faraid kepada waris-waris yang berhak.

3.5 **SAYA TOLAK** tuntutan balas Defendan Ketiga, XY (KP : 610608-03-XXXX)

3.6 **SAYA PERINTAHKAN** kos ditanggung oleh masing-masing.

4.0 NOTIS RAYUAN DAN ALASAN RAYUAN

4.1 Notis Rayuan difailkan oleh Perayu pada 8 Oktober 2015 kerana tidak berpuashati dengan keseluruhan keputusan Yang Arif Hakim Bicara.

4.2 Berikut adalah alasan-alasan rayuan Perayu:

4.2.1 Yang Arif Hakim Mahkamah Tinggi telah khilaf dari segi undang-undang dan fakta apabila mensabitkan Tanah Tersebut adalah harta Sepencarian Responden/Plaintif;

4.2.2 Yang Arif Hakim adalah khilaf dari segi undang-undang dan fakta apabila mensabitkan Tanah Tersebut adalah harta Sepencarian Responden/Plaintif tanpa menilai dan membuat pertimbangan sewajarnya terhadap sumbangan langsung dan tidak langsung Responden/Plaintif dan Perayu/Defendan 3;

4.2.3 Yang Arif Hakim adalah khilaf dari segi undang-undang dan fakta apabila menolak tuntutan balas Perayu/Defendan 3 sedangkan Perayu/Defendan 3 telah mengembangkan Tanah Tersebut sepanjang 33 tahun hidup bersama Si Mati.

5.0 ISU BERKAITAN FAKTA PERSOALAN UTAMA

5.1 Daripada hujah-hujah yang difailkan oleh pihak-pihak, kami mendapati hanya satu (1) isu utama yang perlu dihuraikan di sini iaitu:

Adakah harta yang menjadi pertikaian dalam tuntutan ini adalah Harta Sepencarian di antara Perayu dengan Si Mati dan Responden dengan Si Mati? Jika sekiranya adalah harta sepencarian antara si Mati dan Perayu berapakah kadar yang layak untuk perayu?

6.0 DAPATAN / ULASAN MAHKAMAH RAYUAN

6.1 Tiada isu berkenaan bidangkuasa Mahkamah Syariah dipertikai dalam kes ini. Oleh itu, kami tidak akan mengulas lanjut berkenaan bidangkuasa Mahkamah.

6.2 Kami dapati kedua-dua pihak Perayu dan Responden berhujah dengan merujuk kepada Seksyen 2 dan 57 Enakmen Undang-undang Pentadbiran Keluarga Islam (Terengganu) 1985 berhubung harta sepencarian. Walaubagaimanapun, pendekatan pihak-pihak terhadap seksyen-seksyen tersebut adalah berbeza.

6.3 **Seksyen 2 Enakmen Undang-undang Pentadbiran Keluarga Islam (Terengganu) 1985** mentakrifkan harta sepencarian sebagai :

'Harta yang diperolehi bersama oleh suami isteri semasa perkahwinan berkuatkuasa menurut syarat-syarat yang ditentukan oleh hukum syarak'.

6.4 Mengikut Pusat Rujukan Persuratan Melayu Dewan Bahasa Dan Pustaka, Kamus Pelajar Edisi Kedua, "semasa" ditakrifkan sebagai "pada ketika", "pada waktu".

6.5 Kemudian merujuk kepada **seksyen 57 Enakmen Undang-Undang Pentadbiran Keluarga Islam (Terengganu) 1985** berhubung dengan kuasa Mahkamah memerintah pembahagian harta sepencarian memperuntukan:

1. *Mahkamah mempunyai kuasa, apabila membenarkan lafaz talaq atau apabila membuat suatu perintah perceraian, memerintah supaya **apa-apa aset yang diperolehi oleh pihak-pihak itu dalam masa perkahwinan dengan usaha bersama** mereka di bahagi antara mereka atau supaya mana-mana aset itu dijual dan hasil jualan itu dibahagi antara pihak-pihak itu.*

2. *Pada menjalankan kuasa yang diberikan oleh sub-seksyen (1), Mahkamah hendaklah mengambil perhatian tentang :*

- a) *takat sumbangan-sumbangan yang telah dibuat oleh tiap-tiap satu pihak dalam bentuk wang, harta, atau kerja bagi memperolehi aset-aset itu;*
- b) *apa-apa hutang yang terhutang oleh salah satu pihak yang telah dilakukan bagi manfaat bersama mereka;*
- c) *keperluan-keperluan anak-anak yang belum dewasa dari perkahwinan itu, jika ada,*
dan tertakhluk kepada pertimbangan-pertimbangan itu, Mahkamah hendaklah mirip kepada membuat pembahagian yang sama banyak.

3. *Mahkamah mempunyai kuasa, apabila membenarkan lafaz talaq atau apabila membuat perintah perceraian, memerintahkan supaya **apa-apa aset yang diperolehi, dalam masa perkahwinan dengan usaha tunggal satu pihak kepada perkahwinan itu** dibahagi antara mereka atau supaya mana-mana aset itu dijual dan hasil jualan itu dibahagi antara pihak-pihak itu.*

4. *Pada menjalankan kuasa yang diberi oleh subseksyen (3), Mahkamah hendaklah memberi perhatian kepada—*

- a) *takat sumbangan-sumbangan yang telah dibuat oleh pihak yang tidak memperolehi aset itu kepada kebajikan keluarga dengan memelihara rumahtangga atau menjaga keluarga;*
- b) *keperluan-keperluan anak-anak yang belum dewasa dari perkahwinan itu, jika ada,*

*dan, tertakhluk kepada pertimbangan-pertimbangan itu, Mahkamah boleh membahagikan aset-aset itu atau hasil jualan itu **mengikut apa-apa kadar yang difikirkannya munasabah** tetapi, walau*

bagaimanapun, pihak yang telah memperolehi asset-aset itu dengan usahanya hendaklah menerima suatu kadar yang lebih besar.

5. *Bagi maksud-maksud seksyen ini, rujukan-rujukan mengenai aset yang diperolehi dalam masa perkahwinan termasuklah aset-aset yang dipunyai oleh satu pihak sebelum perkahwinan itu yang telah dimajukan pada sebahagian besarnya dalam masa perkahwinan itu oleh pihak yang satu lagi atau dengan usaha bersama mereka.*

6.6 Justeru itu, Seksyen 57 Enakmen Undang-Undang Pentadbiran Keluarga Islam (Terengganu) 1985 tersebut memperlihatkan kepentingan elemen sumbangan dalam menjadikan sesuatu harta tersebut sebagai harta sepencarian. Hal ini sebagaimana yang dijelaskan di dalam kitab *al-Turuq al-Hukmiyyah fi al-Siasah al-Syar'iyah*, Ibnu Qayyim al-Jauziyyah, cetakan Dar al Ihya al-Ulum, Beirut, tanpa tarikh, hlm. 30 menyebutkan:-

ومن ذلك أن جمهور الفقهاء يقولون في تداعي الزوجين والصانعين لمتاع البيت والدكان. إن القول قول من يدل الحال على صدقه، والصحيح في هذه المسألة: أنه لا عبرة باليد الحسية بل وجودها كعدمها، ولو اعتبرناها لا اعتبرنا به يد الخاطف لعمامة غيره وعلى رأسه عمامة وآخر حوله حاسر الرأس ونحن نقطع بأن يده ظالمة عادية فلا اعتبار لها

Bermaksud;

“Sebilangan besar ahli perundangan Islam (Fuqaha’) sepakat mengatakan dalam kes dua orang suami isteri yang berselisih berhubung dengan perkakas rumah dan dua orang tukang rumah berselisih berhubung dengan sebuah kedai, bahawa percakapan yang boleh diterima ialah yang

menunjukkan keadaan yang boleh diterima kebenarannya dan tepat dalam kes ini;

Tidak boleh dianggap benar semata-mata memegang dengan tangan malah adanya seperti tiada. Dan kalau keadaan demikian boleh diterima nescaya dapat diterima kebenaran seorang perampas serban orang lain yang mana serban yang dirampas itu berada ditangannya, dan di atas kepalanya sudah ada serban manakala orang lain yang mengejar di belakangnya tidak memakai serban.

Dalam hubungan ini bolehlah diqiyaskan perkakas rumah dengan harta-harta lain seperti rumah, tanah dan sebagainya yang diperolehi semasa kedua-duanya masih bersuami isteri selagi tidak ada bukti yang menunjukkan bahawa harta-harta itu sudah dibahagi atau ada hak masing-masing secara berasingan."

- 6.7 Di sini menunjukkan bahawa enakmen telah menjelaskan berkenaan pemerolehan aset dalam perkahwinan itu sendiri yang mana termasuk aset-aset yang **dimiliki sebelum perkahwinan tetapi diusaha atau dimajukan dalam masa perkahwinan sama ada oleh satu pihak atau dengan usaha sama**. Subseksyen 5 ini memperincikan lagi takrifan di atas dan maksud asal perkataan 'semasa' menurut Dewan Bahasa dan Pustaka.
- 6.8 Kami bersetuju dengan ulasan Yang Arif Hakim Bicara sebagaimana Rekod Rayuan m/s 83 yang mengulas:
- "Peruntukan seksyen 57 ini perlu dibaca bersama dengan tafsiran berkanun "*Harta Sepencarian*" sebagaimana yang diperuntukkan di dalam seksyen 2 di atas. Dengan ini dapat difahami bahawa takrifan harta sepencarian itu boleh wujud dalam tiga keadaan :
- Pertama;** Harta yang **diperolehi bersama oleh suami isteri semasa perkahwinan** berkuatkuasa menurut syarat-syarat yang ditentukan oleh Hukum Syarak, **dengan usaha bersama mereka**.

Kedua; Harta yang diperolehi bersama oleh suami isteri semasa perkahwinan berkuatkuasa menurut syarat-syarat yang ditentukan oleh Hukum Syarak, **dengan usaha tunggal satu pihak kepada perkahwinan itu.**

Ketiga; Aset-aset yang dipunyai oleh satu pihak sebelum perkahwinan itu yang telah **dimajukan pada sebahagian besarnya dalam masa perkahwinan itu** berkuatkuasa menurut syarat-syarat yang ditentukan oleh Hukum Syarak **oleh pihak yang satu lagi itu atau dengan usaha bersama** suami isteri.

6.9 Justeru, persoalan di dalam kes ini bagi menentukan sama ada Perayu dan Responden layak terhadap harta sepencarian adalah:

Pertama : Bilakah aset yang dipertikai tersebut diperolehi?

Kedua : Adakah Perayu dan Responden membuat apa-apa usaha atau sumbangan terhadap Tanah Tersebut?

6.10 Bagi menjawab persoalan pertama, Kami dapati fakta tidak begitu jelas berhubung perolehan Tanah Tersebut di antara Responden dan Si Mati samada sebelum berkahwin atau setelah berkahwin. Mengikut keterangan Responden:

"P dan Si Mati teroka tanah tersebut dalam tahun 1960an. Dapat geran tanah tersebut pada tahun 1972 atas nama si mati... Pada awal teroka, kerajaan buka tanah dan P serta si mati sertai teroka tanah tersebut." (**Rujuk Rekod Rayuan m/s 12**).

Manakala keterangan saksi Responden/Plaintif, SP1 hanya menjelaskan tanah Si Mati bersempadanan dengan tanah SP1 dan mula teroka tanah tersebut pada tahun 1964. (**Rujuk Rekod Rayuan m/s 14**).

Seterusnya SP 2 memberi keterangan bahawa:

"kerajaan beri tanah kepada abang SP2. Tanah itu ialah tanah undi diri kepada Si Mati setelah dia teroka." (**Rujuk Rekod Rayuan m/s 16**).

Merujuk kepada keterangan SD1, *"tanah ini dapat sebelum berkahwin dengan Aminah."* (**Rujuk Rekod Rayuan m/s 25**).

Manakala keterangan SD2, *"Sidek dapat tanah dari tarikh ayah dia beri kepada Sidek....Pada masa ayah dia beri kepada Sidek, Sidek telah berkahwin dengan Aminah."* (**Rujuk Rekod Rayuan m/s 28**).

- 6.11 Tanah Tersebut diberi hakmilik kepada Si Mati pada 18 Julai 1972. Merujuk kepada Seksyen 340 Kanun Tanah Negara 1965 bahawa pemilikan berdaftar ini tidak boleh disangkal dengan memperuntukkan:-

"(1) Hakmilik atau kepentingan mana-mana orang atau badan buat masa itu didaftarkan sebagai tuannya mana-mana tanah, atau atas nama siapa apa-apa pajakan, gadaian atau esmen adalah buat masa itu terdaftar, hendaklah, tertakluk kepada peruntukan-peruntukan berikut seksyen ini, tidak boleh disangkal.

- 6.12 Walaubagaimanapun, perkara tersebut tidak menjadi material dalam kes ini kerana daripada keterangan-keterangan di atas jelas menunjukkan bahawa aset yang dipertikai adalah diperoleh semasa perkahwinan dan selaras dengan takrifan Seksyen 2 dan kehendak Subsekyen 57(5) Enakmen Undang-undang Pentadbiran Keluarga Islam (Terengganu) 1985. Oleh yang demikian, Responden berhak membuat tuntutan terhadap Tanah Tersebut sebagai harta sepencarian

dan Yang Arif Hakim Bicara tidak khilaf dalam mensabitkan harta sepencarian di antara Responden dan Si Mati.

- 6.13 Manakala bagi Perayu pula adalah jelas bahawa Tanah Tersebut diperolehi sebelum Perayu dan Si Mati berkahwin. Ini juga ada selaras dengan peruntukan Seksyen 2 dan kehendak Subsekyen 57(5) Enakmen Undang-undang Pentadbiran Keluarga Islam (Terengganu) 1985. Oleh yang demikian, kami tidak bersetuju dengan dapatan Yang Arif Hakim Bicara dalam **Rekod Rayuan m/s 98**:

"Maka di sini jelas bahawa pengiktirafan ke atas 'Tanah Tersebut' untuk diisytiharkan sebagai harta sepencarian antara Si mati dan Defendan 3 adalah tidak menepati peruntukkan Seksyen 2 yang dibaca bersama peruntukkan Seksyen 57 Enakmen Undang-Undang Pentadbiran Keluarga Islam (Terengganu) 1985. Hal ini kerana Defendan 3 sendiri menyatakan bahawa beliau berkahwin dengan Si mati pada tahun 1977 iaitu selepas Si mati mendapat hak milik ke atas 'Tanah Tersebut' iaitu pada 18 Julai 1972."

- 6.14 Persoalan kedua adalah, **adakah Perayu dan Responden membuat apa-apa usaha atau sumbangan terhadap Tanah Tersebut?**

Kami tidak berniat untuk menghurai berkenaan jenis-jenis sumbangan yang dibuat oleh pihak-pihak dalam tuntutan harta sepencarian kerana Yang Arif Hakim Bicara telah menghuraikan berkenaan sumbangan langsung dan tidak langsung sebelum ini. Apa yang kami fokuskan adalah sama ada Perayu dan Responden memberi sumbangan atau usaha terhadap Tanah Tersebut seterusnya melayakkan harta tersebut sebagai harta sepencarian antara Perayu dan Responden dengan si Mati.

6.15 Di dalam surah An Nisa' ayat 32, syarak telah mengiktiraf harta yang diperolehi melalui sumbangan dan usaha sama ada dari pihak lelaki mahupun perempuan dengan firman Allah s.w.t:



32. Dan janganlah kamu terlalu mengharapkan (ingin mendapat) limpah kurnia Yang Allah telah berikan kepada sebahagian dari kamu (untuk menjadikan mereka) melebihi sebahagian Yang lain (tentang harta benda, ilmu pengetahuan atau pangkat kebesaran). (kerana telah tetap) orang-orang lelaki ada bahagian dari apa Yang mereka usahakan, dan orang-orang perempuan pula ada bahagian dari apa Yang mereka usahakan; (maka berusahalah kamu) dan pohonkanlah kepada Allah akan limpah kurniaNya. Sesungguhnya Allah sentiasa mengetahui akan tiap-tiap sesuatu.

6.16 Merujuk kepada keterangan dan ikrar Perayu/Defendan 3:

"D sebenarnya suri rumah sepenuh masa. Pergi juga buat kerja di kebun di Padang Bual, bersama dengan arwah....menoreh upah orang. D tidak pandai menoreh...D ada membaja dan menebas. D bersama dengan arwah juga mengurus rumah tangga..." (Rujuk Rekod Rayuan m/s 21-22).

6.17 Merujuk kepada keterangan SD1:

"Setelah XXX bernikah dengan XY, mereka telah berusaha menanam getah."
(Rujuk Rekod Rayuan m/s 25).

Manakala keterangan SD2:

"Tanah dan tanaman terbiar begitu. Dan Diusahakan semula tanah itu setelah XXX berkahwin dengan XY...Dan setelah bernikah dengan XY diusahakan semula dengan tanaman getah oleh mereka berdua...SD2 selalu lihat XY berada di ladang itu dengan diusahakan pegang cok menanam sayur. Mereka berusaha dari mereka kahwin sehingga XXX meninggal dunia...XY telah menguruskan rumah tangga dengan baik. XY ada tanam pokok dan bertanam sayur di kebun mereka." **(Rujuk Rekod Rayuan m/s 28-29)**

Keterangan SD3:

"SD3 pergi ke tanah acap kali membuat pemantauan. Di masa itu yang ada bersama XXX, isteri dia XY...Pada SD3 XY selalu ada dekat tanah kebun berkenaan bersama XXX." **(Rujuk Rekod Rayuan m/s 33)**

- 6.18 Berdasarkan ikrar dan keterangan yang diberikan oleh pihak-pihak, Kami berpuashati bahawa Perayu/Defendan 3 ada memberi sumbangan dan usaha terhadap Tanah Tersebut. Justeru, kami tidak bersependapat dengan Yang Arif Hakim Bicara yang mana Yang Arif Hakim Bicara dalam **Rekod Rayuan m/s 98** mengulas seperti berikut:

"Sekali pun 'Tanah Tersebut' diperolehi oleh Si mati sebelum perkahwinan dan telah dimajukan pada sebahagian besarnya dalam masa perkahwinan antara Si mati dan Defendan 3 itu berkuatkuasa dengan usaha bersama Defendan 3 dan Si mati, Mahkamah berpendapat tidak ada penekanan dibuat berkaitan fakta ini oleh Defendan 3 dalam keterangan dan hujahannya kepada Mahkamah dan gagal dibuktikan hingga ke tahap yakin."

- 6.19 Kami juga mendapati bahawa YA Hakim Bicara telah menolak tuntutan balas Perayu tanpa diperincikan alasan yang munasabah tuntutan balas tersebut ditolak. Sedangkan kami dapati, keterangan pihak perayu dan saksi-saksi mengenai sumbangan atau usaha untuk memajukan tanah tersebut menyokong bahawa wujudnya sumbangan atau usaha Perayu terhadap tanah tersebut.
- 6.20 Pada dapatan kami juga perbezaan antara Perayu dan Responden adalah tempoh perkahwinan dengan Si Mati. Perayu lebih lama hidup bersama Si Mati iaitu 33 tahun. Manakala bersama Responden 13 tahun. Kami bersetuju dengan Yang Arif Hakim Bicara bahawa Responden juga ada sumbangan dan usaha di atas Tanah Tersebut dengan cara menguruskan sendiri di antara Si Mati. Manakala Perayu dengan cara yang lebih professional dengan mendapatkan bantuan RISDA.
- 6.21 Kami percaya bahawa Si Mati tidak mampu untuk menguruskan Tanah Tersebut secara sendirian tanpa sokongan dari isteri. Ini kerana terbukti melalui keterangan saksi-saksi selepas bercerai dengan Responden Tanah Tersebut menjadi terbiar dan diusaha semula selepas berkahwin dengan Perayu. Malah keterangan saksi-saksi perayu adalah konsisten dalam membuktikan bahawa wujudnya sumbangan dari pihak perayu dalam mengusahakan harta tersebut.
- 6.22 Kami bersetuju dengan otoriti Perayu di dalam kes ini berhubung konsep harta sepencarian di dalam kes *Semah Binti Daud lwn. Hassan Bin Awang, JH 26(2) Hlm 209-221*, Yang Amat Arif Hakim di dalam penghakimannya menyatakan;
"Hasil daripada kerjasama dan hubungan suami isteri menjalankan tugas dan tanggungjawab dalam menguruskan rumah tangga dalam bentuk usaha

tenaga fizikal dan mental hingga memperolehi harta atau aset-aset yang merupakan harta wang ringgit telah dipanggil sebagai Harta Sepencarian dan diakui oleh Islam dan diberi pengiktirafan undang-undang dan penghakiman yang berasaskan kepada kaedah al-Adat Muhakkamah."

6.23 Begitu juga dengan otoriti pihak Responden dalam kes ***Yang Chik lwn. Abdul Jamal (1986) 6 JH 146***, Sheikh Ghazali bin Haji Abdul Rahman, Kadi Besar telah pada masa itu berkata:

"Konsep Harta Sepencarian ialah harta yang diperolehi semasa dalam perkahwinan dengan masing-masing suami isteri sama-sama menyumbang tenaga atau wang ringgit untuk mendapatkan harta tersebut."

6.24 Manakala di dalam kes ***Md. Yusuf bin Abdul Rahman lwn. Norlia Binti Abdul Aziz, JH XX(I), hlmn 122-137***, di mana Yang Amat Arif Hakim Rayuan di dalam penghakimannya menyatakan:-

"Peranan saksi adalah amat penting kerana mereka adalah orang yang melihat, mendengar dan menyaksikan secara langsung sesuatu perkara yang menjadi fakta kes. Kesaksian ialah pemberitahuan yang bersifat benar untuk mensabitkan sesuatu atau kepentingan dengan menggunakan lafaz kesaksian dalam majlis kehakiman."

KEPUTUSAN

SETELAH Kami meneliti Notis Rayuan , Alasan Rayuan , Rekod Rayuan dan Hujah kedua-dua pihak, kami sebulat suara memutuskan dan memerintahkan seperti berikut:-

1. Rayuan Perayu DITERIMA.

2. Perenggan 2 dan 6 Perintah Mahkamah Tinggi Syariah Terengganu yang diputuskan pada 4/10/2015 dalam kes Mal No. 11200-017-XXXX-2013 DIKEKALKAN.
3. Perintah Mahkamah Tinggi Syariah Terengganu yang diputuskan pada 4/10/2015 dalam kes Mal no. 11200-017-XXXX-2013 perenggan 3, 4 dan 5 DIUBAH sebagaimana berikut:-
 - 3.1 **MAHKAMAH SABITKAN** Tanah yang memakai keterangan GM XXX Lot XXX, Mukim XXX, Besut, Terengganu ('Tanah Tersebut') adalah Harta Sepencarian di antara Perayu, XY (KP : 610608-11-XXXX) dengan Si mati, Allahyarham XXXX Bin Omar (KP : 421006-03-XXXX/374XXXX).
 - 3.2 **MAHKAMAH PERINTAHKAN** Perayu, XY (KP : 610608-11-XXXX) berhak ke atas Tanah Tersebut sebanyak 1/4 bahagian atau nilai daripada Tanah Tersebut.
 - 3.3 **MAHKAMAH PERINTAHKAN** Responden, AAA (KP : 470622-11-XXXX) berhak ke atas Tanah Tersebut sebanyak 1/4 bahagian atau nilai daripada Tanah Tersebut.
 - 3.4 **MAHKAMAH PERINTAHKAN** Si Mati, Allahyarham XXXX Bin Omar (KP : 421006-03-XXXX/ 374XXXX) berhak ke atas Tanah Tersebut sebanyak 2/4 bahagian atau nilai daripada Tanah Tersebut.
 - 3.5 **MAHKAMAH PERINTAHKAN** bahagian Si mati, Allahyarham XXXX Bin Omar (KP : 421006-03-XXXX/ 374XXXX) sebanyak 2/4 bahagian atau nilai daripada Tanah Tersebut hendaklah dibahagikan secara faraid kepada waris-waris yang berhak.

3.6 MAHKAMAH TERIMA tuntutan balas Perayu, XY (KP : 610608-11-XXXX)

Penghakiman ini diberikan oleh:

.....

Y.A.A Tuan Haji Wan Mohd Zakri bin Wan Mohd
Pengerusi
Panel Hakim Mahkamah Rayuan Syariah
Negeri Terengganu

Dipersetujui oleh:

.....

Y.A.A Dato' Aria D' Raja Dato' Hj. Daud bin Muhammad
Panel Hakim Mahkamah Rayuan Syariah
Negeri Terengganu

.....

Y.A.A Dato' Sri Haji Abdul Rahman bin Md Yunos
Panel Hakim Mahkamah Rayuan Syariah
Negeri Terengganu

